

TATACARA PENGGANTUNGAN POTRET RASMI

**BAHAGIAN ISTIADAT & URUSETIA PERSIDANGAN ANTARABANGSA
JABATAN PERDANA MENTERI**

KANDUNGAN

DENIFISI

SEJARAH PENGGANTUNGAN POTRET RASMI

TATACARA PENGGANTUNGAN POTRET RASMI

DEFINISI

“Potret Rasmi” merujuk kepada potret rasmi

- **Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**
- **Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong**
- **Duli Yang Maha Mulia Sultan**
- **Duli Yang Maha Mulia Sultanah**
- **Tuan Yang Terutama Yang di-pertua Negeri**
- **Isteri Tuan Yang Terutama Yang di-pertua Negeri**
- **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri**
- **Yang Amat Berhormat Menteri Besar/Ketua Menteri**

yang diedarkan oleh Jabatan Penerangan persekutuan/ negeri bagi digantungkan/dipamerkan di kementerian/jabatan/agensi persekutuan, badan-badan berkanun, swasta dan perseorangan.



SEJARAH

**General Circular
Memorandum No. 7 of
1958: “The Display of
Pictures of Their
Majesties, the Yang di-
Pertuan Agong and the
Raja Permaisuri Agong
and the Prime Minister”
bertarikh
15 Februari 1958**

**“The Display of Pictures
of Their Majesties, the
Yang di-Pertuan Agong
and the Raja Permaisuri
Agong, Their Highnesses
the Rulers, Their
Excellencies the
Governors, and Her
Majesty Queen Elizabeth
II and His Royal Highness
Prince Phillip” bertarikh
29 Mac 1958**

**Surat Pekeliling Am
Bilangan 3 Tahun 2014 :
Tatacara Penggantungan
Potret Rasmi yang betul
adalah berdasarkan
elemen – elemen tertentu
dan mengikut susunan
keutamaan berdasarkan
tiga (3) kategori lokasi**

.....ELEMEN-ELEMEN TERTENTU

- **Paras ketinggian menggantung potret hendaklah sekurang-kurangnya 45 darjah daripada aras pandangan dan bersesuaian dengan keluasan serta ketinggian ruang.**
- **Potret Rasmi digantung pada dua (2) aras yang berbeza iaitu :**

Aras 1

- Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**
- Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong**
- Duli Yang Maha Mulia Sultan**
- Duli Yang Maha Mulia Sultanah**
- Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri**
- Isteri Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri**

Aras 2

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri**
- Yang Amat Berhormat Menteri Besar/
Ketua Menteri**

.....ELEMEN-ELEMEN TERTENTU

- **Jarak antara potret sekurang – kurangnya 10 sentimeter dan jarak antara aras 1 dan aras 2 adalah sekurang – kurangnya 10 sentimeter**
- **Digantungkan pada ruang yang mudah dilihat oleh orang ramai/tempat tumpuan orang ramai contohnya di bilik mesyuarat utama, lobi utama bangunan, auditorium dan perpustakaan.**
- **Tidak digantung bersama – sama perhiasan/barang – barang yang lain. contohnya jam, bunga, gambar perhiasan atau seumpamanya.**
- **Tidak digantungkan dalam keadaan terpisah contohnya di antara jata/logo, pintu, almari, langsir atau seumpamanya.**

.....ELEMEN-ELEMEN TERTENTU

- **Sekiranya Potret Rasmi tersebut digantungkan di dalam satu ruangan yang luas seperti contoh dewan/balai raya maka potret rasmi tersebut bolehlah digantungkan berasingan namun masih mengikut susunan keutamaannya dan hendaklah bersesuaian dengan ruangan tersebut.**
- **Menggunakan bingkai gambar yang bersesuaian dengan saiz potret rasmi dan dalam keadaan yang sempurna.**
- **Memastikan Potret Rasmi yang digantung merupakan potret rasmi yang terkini dan dalam keadaan sempurna.**

..... MENGIKUT SUSUNAN BERDASARKAN LOKASI

LOKASI 1 : WILAYAH PERSEKUTUAN



..... MENGIKUT SUSUNAN BERDASARKAN LOKASI

LOKASI 2 : NEGERI-NEGERI BERAJA



..... MENGIKUT SUSUNAN BERDASARKAN LOKASI

LOKASI 3 : NEGERI-NEGERI TIDAK BERAJA



Bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan, badan-badan berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, badan-badan swasta dan orang perseorangan yang berada di Wilayah Persekutuan bekalan potret rasmi boleh didapati daripada :

**Pusat Sumber dan Fotografi Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 9, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

Manakala bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan Negeri, badan - badan berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, swasta dan orang perseorangan yang berada di negeri-negeri, bekalan Potret Rasmi boleh didapati daripada Jabatan Penerangan di negeri masing - masing.